



RAKAM MEMORI...Kamarudin (duduk tengah) bergambar kenangan bersama delegasi-delegasi luar negara yang turut menghadiri persidangan terbabit di samping kakitangan Sekolah Perubatan UMS di Le Meridien kelmarin.

Penyelidikan Perubatan Desa perlu diperluaskan: Rosnah

Oleh RUZAINI ZULKIFLI

ruzainiub@gmail.com

45 22/4/2011 B5

KOTA KINABALU: Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin meminta semua pihak bekerjasama dalam mempertingkatkan penyelidikan Perubatan Desa untuk dibangunkan demi menaiktaraf sosioekonomi dan status kesihatan penduduk luar bandar.

Beliau menyeru agar pihak terbabit menggunakan platform atau pengetahuan dalam bidang masing-masing dalam membawa perubahan penambahan kepada tahap

kesihatan penduduk khususnya mereka yang terpinggir.

Sehubungan itu, katanya, adalah lebih baik perkara berkenaan dititikberatkan serta diimbangi kemudahan seperti mana di bandar-bandar besar. Namun demikian, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan seperti menaiktaraf kaedah Perubatan Desa.

“Konsep ini juga amat bersesuaian dengan kedudukan negeri Sabah sebagai sebahagian daripada Malaysia yang mempunyai kawasan desa atau luar bandar yang luas,” tambahnya.

Menurut Rosnah,

terdapat beberapa masalah menyebabkan penduduk luar bandar sukar menerima rawatan di hospital atau klinik dan lantaran itu, kaedah Perubatan Desa perlu diperluaskan perkhidmatannya bagi keseragaman dalam perubatan.

“Konsep Perubatan Desa bukanlah sesuatu baru di peringkat antarabangsa malahan ia merupakan suatu aspek jurusan perubatan yang sangat luas merangkumi pelbagai pengkhususan seperti perubatan dalaman, surgery, perubatan masyarakat dan banyak lagi disiplin lain perlu diterokai

secara lebih mendalam,” katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Persidangan Antarabangsa Perubatan Desa Ketiga (ICORM 3) di Hotel Le Meridien di sini kelmarin. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pemangku Dekan Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr D Kamarudin D Mudin.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari itu turut disertai oleh delegasi-delegasi luar negara termasuk Australia, Indonesia, Filipina dan Vietnam.

Mengulas lanjut mengenai persidangan yang dianjurkan

oleh UMS berkenaan, Rosnah berkata pihaknya merakamkan penghargaan kepada intitusi terbabit kerana bersemangat untuk menjadi pentas perkongsian idea dan percambahan fikiran dari segi intelektual di rantau Asia Pasifik.

“Kita berpendapat Perubatan Desa ini amat sesuai diterajui oleh Sekolah Perubatan UMS memandangkan fasiliti yang ada dan golongan para doktor serta paramedik yang cukup prihatin terhadap masalah-masalah berkaitan dengan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di kawasan luar bandar,” katanya.